

# **Akta Francais 1998 (Pindaan) 2012: Melindungi Hak Francaisor dan Francaisi**

**Mohamad Yusop bin Mohd. Jani**

Sekolah Pengurusan Perniagaan (SBM), Kolej Perniagaan (COB)  
Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok Kedah  
yusop@uum.edu.my

## **Abstrak**

Artikel ini membincangkan tentang Akta Francais 1998 (Pindaan 2012) beserta dengan beberapa seksyen penting yang memerlukan penjelasan dan penerangan. Secara umumnya, Akta Francais 1998 boleh dibahagikan kepada lapan bahagian utama yang merangkumi enam puluh satu (61) seksyen. Akta yang dikuatkuasakan pada tahun 1998 dan dipinda pada tahun 2012 bertujuan untuk melindungi kepentingan dan hak-hak francaisor dan francaisi dalam sistem perniagaan francais di Malaysia. Memandangkan hubungan francaisor dan francaisi melibatkan tempoh yang panjang (seksyen 25 menyatakan tempoh minima francais sekurang-kurangnya 5 tahun) boleh menimbulkan konflik dan pertikaian kerana kedua-dua pihak mempunyai matlamat perniagaan yang berbeza. Sehubungan dengan itu, Akta Francais 1998 (dipinda 2012) dilihat sebagai pelindung kepada kedua-dua pihak dalam menjalankan perniagaan. Namun begitu, persoalan yang timbul adalah sejauh mana akta ini benar-benar difahami dan dipraktikkan oleh francaisor dan francaisi dalam konteks hubungan francais di Malaysia? Walaupun terdapat dakwaan bahawa Akta Francais 1998 telah membantut proses pembangunan industri francais itu sendiri kerana isu birokrasi, namun ia dilihat oleh banyak pihak sebagai satu cara untuk mengelakkan penipuan dan diskriminasi terhadap francaisi oleh francaisor.

***Kata kunci:** Akta Francais 1998, francaisor, francaisi, diskriminasi*

## **Pengenalan**

Artikel ini akan membincangkan secara khusus tentang Akta Francais 1998 serta seksyen-seksyen yang berkaitan dengan definisi francais, pendaftaran francais, francaisor, francaisi, broker francais dan lembaga penasihat francais secara ringkas. Akta Francais 1998 (dikenali sebagai Akta Ibu) dicetak dalam dua bahasa iaitu bahasa Malayu dan bahasa Inggeris. Menyentuh tentang seksyen-seksyen yang dinyatakan di dalam buku akta tersebut, sebahagian besarnya boleh difahami dengan mudah tetapi tidak dinafikan terdapat juga beberapa seksyen yang memerlukan penjelasan tentang maksud yang hendak disampaikan. Oleh kerana tidak semua daripada kita memahami bahasa perundangan dengan baik, maka artikel ini cuba membuat interpretasi tentang maksud sebenar seksyen-seksyen yang dinyatakan itu.

Secara umumnya, Akta Francais 1998 disediakan bertujuan untuk membolehkan proses pendaftaran francais dilakukan dengan teratur dan sistematik. Kerajaan juga menaruh harapan yang besar agar industri francais di negara ini berkembang dan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan

baru terutama dalam bidang perniagaan francais. Ini adalah selaras dengan strategi ekonomi di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) iaitu mewujudkan lebih ramai bilangan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Sebaik sahaja akta ini diwartakan sebagai satu undang-undang, pemain-pemain utama dalam industri francais di negara ini seperti francaisor, francais mahupun broker francais mempunyai tanggungjawab besar untuk mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Walaupun terdapat kritikan yang menyatakan bahawa Akta Francais 1998 hanya memperlahankan perkembangan industri francais di negara ini kerana masalah birokrasi namun ia dilihat oleh banyak pihak sebagai satu kaedah untuk mengelakkan kes-kes penipuan dan diskriminasi dalam proses penawaran francais. Menurut Awalan (1999), berdasarkan latar belakang dan perkembangan pembangunan francais di negara ini, pewujudan dan penguatkuasaan akta ini adalah sesuatu yang sangat perlu berdasarkan asas-asas berikut;

- Pembangunan francais di Malaysia, terutamanya pembangunan perniagaan francais tempatan secara relatifnya masih baru dan boleh dikatakan masih di peringkat '*infancy*'. Oleh yang demikian, pewujudan akta ini akan dapat membantu memberi garis panduan kepada bakal-bakal francaisor, francais induk dan francais tentang perkara-perkara asas yang perlu diteliti dan dipenuhi sebelum menceburi bidang perniagaan ini;
- Berdasarkan pengalaman pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) (MeCD telah dimansuhkan dan pembangunan francais diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bahawa terdapat banyak kes-kes salah-laku yang cenderung kepada unsur-unsur penipuan, percubaan memperdaya dan elemen diskriminasi berlaku dalam proses penawaran francais. Akta francais juga berperanan mencegah pengedaran dokumen penzahiran yang mengandungi maklumat yang mengelirukan dan tidak tepat atau meninggalkan mana-mana maklumat yang penting kepada bakal-bakal francais;
- Menggalakkan amalan-amalan murni perniagaan seperti jujur (*bona fide*), tanggungjawab untuk berhati-hati dan tanggungjawab pengamanahan (*fiduciary*), di samping mengandungi sistem dan hak-hak cipta milik francaisor daripada ditiru.

#### *Akta Francais 1998*

Secara umumnya, Akta Francais 1998 boleh dibahagikan kepada lapan bahagian utama yang merangkumi enam puluh satu (61) seksyen seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Walau bagaimanapun, perbincangan hanya memfokuskan kepada lima perkara utama iaitu bahagian yang berkaitan dengan tafsiran, pendaftaran, francaisor dan francais, lembaga penasihat francais dan penguatkuasaan.

**Jadual 1: Bahagian-bahagian Seksyen dalam Akta Francais 1998**

<b>BAHAGIAN I PERMULAAN</b>	<b>SEKSYEN</b>
	1. Tajuk ringkas
	2. Permulaan kuat kuasa
	3. Pemakaian
	4. Tafsiran
<b>BAHAGIAN II PELANTIKAN PENDAFTAR FRANCAIS, PENDAFTARAN, DSB</b>	5. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, dsb
	6. Pendaftaran
	7. Permohonan bagi pendaftaran
	8. Kelulusan atau penolakan permohonan bagi pendaftaran.
	9. Tarikh pendaftaran francais mula berkuat kuasa
	10. Tempoh berkuat kuasa
	11. Pindaan pada dokumen penzahiran
	12. Notis tentang penggantungan, penamatan, dsb
	13. Pembatalan daripada daftar
	14. Pendaftaran broker francais
	15. Amalan wajib
	16. Laporan tahunan
	17. Rayuan terhadap keputusan Pendaftaran
<b>BAHAGIAN III PERJANJIAN FRANCAIS</b>	18. Kehendak perjanjian francais
	19. Pembayaran fi francais
	20. Larangan terhadap diskriminasi
	21. Pembayaran fi francais atau royalti
	22. Kumpulan wang promosi
	23. Fi promosi
	24. Pendaftaran cap dagangan atau cap perkhidmatan
	25. Tempoh francais
	26. Maklumat rahsia
	27. Larangan terhadap perniagaan serupa
	28. Penepian tidak sah
<b>BAHAGIAN IV KELAKUAN PIHAK- PIHAK DAN PENAMATAN PERJANJIAN FRANCAIS</b>	29. Kelakuan pihak
	30. Kewajipan pemberi francais dan pemegang francais
	31. Penamatan perjanjian francais
	32. Tidak membaharui perjanjian francais
	33. Penamatan awal tempoh francais
	34. Pelanjutan tempoh francais
<b>BAHAGIAN V LEMBAGA PENASIHAT FRANCAIS</b>	35. Lembaga Penasihat Francais
	36. Fungsi Lembaga Penasihat Francais
<b>BAHAGIAN VI KESALAHAN DAN PENALTI</b>	37. Kesalahan bagi fraud, perdayaan, dan sebagainya
	38. Menghalang pegawai
	39. Penalti am
	40. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
	41. Pengkompaunan kesalahan

**BAHAGIAN VII  
PENGUATKUASAAN**

42. Pegawai diberi kuasa
43. Kuasa untuk menyiasat
44. Penggeledahan dengan waran
45. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
46. Pemeriksaan seorang wanita
47. Akses kepada data berkomputer
48. Senarai benda disita
49. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang tahu tentang kes
50. Pemeriksaan orang yang tahu tentang kes
51. Kuasa tambahan
52. Pendakwaan

**BAHAGIAN VIII  
PELBAGAI**

53. Penjualan francais kepada bukan warganegara tertakluk kepada kelulusan Pendaftar
54. Penjualan francais oleh orang asing di Malaysia
55. Pendaftaran pemegang francais pemberi francais asing
56. Pemeriksaan awam dokumen penzahiran
57. Iklan
58. Kuasa untuk mengecualikan
59. Perlindungan pegawai
60. Peraturan-peraturan
61. Kecualian dan peralihan

*Sumber:* Akta Francais 1998 (Akta 590). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

**Tafsiran Francais**

Akta Francais 1998 memberikan definisi yang lebih jelas dan terperinci sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 4. Dalam **Seksyen 4** Akta Francais 1998, “francais” ertinya kontrak atau perjanjian, sama ada secara nyata atau tersirat, sama ada secara lisan atau bertulis, antara dua orang atau lebih yang dengannya;

- (a) pemberi francais memberi pemegang francais hak untuk mengendalikan perniagaan mengikut sistem francais yang ditentukan oleh pemberi francais selama tempoh yang ditentukan oleh pemberi francais;
- (b) pemberi francais memberi pemegang francais hak untuk menggunakan cap, atau rahsia perdagangan, atau apa-apa maklumat sulit atau harta intelektual, yang dipunyai oleh pemberi francais atau berhubungan dengan pemberi francais, dan termasuk keadaan apabila pemberi francais, yang merupakan pengguna berdaftar, atau dilesenkan oleh orang lain untuk menggunakan, apa-apa harta intelektual, memberikan apa-apa hak yang dimilikinya untuk membenarkan pemegang francais menggunakan harta intelektual itu;
- (c) pemberi francais memiliki hak untuk melaksanakan kawalan berterusan sepanjang tempoh francais terhadap pengendalian perniagaan pemegang francais mengikut sistem francais;
- (d) pemberi francais mempunyai tanggungjawab untuk memberikan bantuan kepada pemegang francais untuk mengendalikan perniagaannya termasuklah apa-apa bantuan seperti peruntukan atau pembekalan bahan dan perkhidmatan, latihan, pemasaran dan bantuan perniagaan atau teknik;

- (e) sebagai balasan kepada pemberian hak-hak itu, pemegang francais dikehendaki membayar fi atau bentuk balasan yang lain; dan
- (f) pemegang francais mengendalikan perniagaan secara berasingan daripada pemberi francais, dan hubungan pemegang francais dengan pemberi francais tidak boleh pada bila-bila masa dianggap sebagai suatu perkongsian, kontrak perkhidmatan atau agensi.

Jika sekiranya francaisor gagal memenuhi keenam-enam ciri tersebut atau mana-mana gabungan dari ciri-ciri yang dinyatakan maka syarikat yang menawarkan sistem francais tersebut boleh dianggap telah melakukan kemungkiran seperti kegagalan francaisor memberikan bantuan dan latihan. Dalam konteks ini, francaisor perlu lebih bertanggungjawab dan memimpin francais-francaisi di bawah mereka dan tidak hanya mengutip yuran dan royalti francais sahaja.

Namun begitu, Akta Francais (Pindaan) 2012 yang diwartakan pada 20 September 2012 telah memotong perenggan (d) dan (f) tanpa menggantikan dengan takrifan yang lain. Sebaliknya perenggan (f) telah dibawa ke Pindaan Seksyen 29 dengan meletakkan tafsiran tersebut sebagai subseksyen (3). Walau bagaimanapun, pemotongan perenggan (d) tidak pula dinyatakan di seksyen mana ia dipindahkan (lihat Undang-Undang Malaysia, Akta A1442, Akta Francais (Pindaan) 2012).

### **Pendaftaran Francais (RoF)**

Bagi memastikan pemberi francais dapat menjalankan perniagaan secara sah di negara ini maka mereka dikehendaki supaya mendaftarkan perniagaan mereka kepada Pendaftar Francais (RoF). Sehubungan dengan itu, **Seksyen 6 (1)** mengkehendaki seseorang pemberi francais (francaisor) mendaftarkan francaisnya dengan Pendaftar sebelum dia boleh membuat tawaran untuk menjual francais mereka kepada mana-mana individu atau syarikat yang berminat menjadi francais. Semasa proses pendaftaran, **Seksyen 7 (1)** mengkehendaki pemberi francais mengemukakan beberapa dokumen. Antara dokumen-dokumen penting yang perlu dikemukakan kepada Pendaftar adalah;

- (a) dokumen penzahiran yang lengkap dengan kesemua butir yang perlu telah diisi;
- (b) suatu sampel perjanjian francais;
- (c) manual pengendalian francais;
- (d) manual latihan francais;
- (e) suatu salinan terbaru akaun teraudit, penyata kewangan dan laporan; dan
- (f) apa-apa maklumat atau dokumen tambahan lain yang dikehendaki oleh Pendaftar bagi maksud menentukan permohonan itu.

### **Pendaftaran Francais Seksyen baru 6A dan 6B**

#### **”Pendaftaran pemegang francais pemberi francais asing”**

**6A (1)** Sebelum memulakan perniagaan francais, seseorang pemegang francais yang kepadanya francais diberikan daripada seseorang pemberi francais asing hendaklah memohon untuk mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan menggunakan borang permohonan yang ditetapkan dan permohonan itu hendaklah tertakluk kepada kelulusan Pendaftar.

## ”Pendaftaran pemegang francais”

**6B** Pemegang francais yang kepadanya francais diberikan daripada pemberi francais tempatan atau pemegang francais induk tempatan hendaklah mendaftarkan francais itu kepada Pendaftar dengan menggunakan borang pendaftaran yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh menandatangani perjanjian antara pemberi francais dengan pemegang francais.

Penambahan kepada kedua-dua seksyen baru di atas seperti yang dinyatakan dalam Akta Pindaan 2012 merupakan langkah penambahbaikan yang diambil oleh Bahagian Pembangunan Francais di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi memastikan profil francais-francaisi di negara ini dikemaskinikan. Sebelum pindaan dibuat, francais-francaisi tidak diwajibkan mendaftar dengan Pendaftar francais sehingga menimbulkan masalah pengkalan data yang tidak lengkap. Ketiadaan data yang lengkap menimbulkan kesukaran kepada kerajaan untuk membuat dasar dan perancangan pembangunan francais di negara ini.

Sementara itu, **Seksyen 7 (1) (e)** menyatakan mana-mana pemberi francais yang mengemukakan permohonan pendaftaran hendaklah menyerahkan satu salinan terbaru akaun teraudit dan penyata kewangan. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas tempoh penyata yang dikehendaki seperti di dalam seksyen tersebut tetapi 3 tahun akaun teraudit adalah sebagai tempoh biasa jika seseorang ingin melihat rekod pencapaian sesebuah perniagaan. Dalam erti kata lain, mana-mana pemberi francais yang hendak menawarkan perniagaan francais, mereka hendaklah beroperasi di negara ini untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2007, Kerajaan melalui MeCD ketika itu telah membuat pengubahsuaian terhadap seksyen tersebut di mana francaisor asing hanya diminta mengemukakan 1 (satu) tahun akaun teraudit yang beroperasi di Malaysia manakala 2 (dua) tahun akaun teraudit di negara masing-masing. Ini bermakna, francaisor asing boleh menjual francais mereka kepada rakyat tempatan selepas setahun mereka beroperasi di negara ini.

Jika ada dakwaan yang menyatakan bahawa Akta Francais 1998 boleh memperlakan perkembangan industri francais di negara ini, dakwaan tersebut mungkin mempunyai justifikasi yang tersendiri. Dalam konteks ini, pemberi francais sama ada *homegrown* atau francaisor dari luar negara adalah terikat dengan peraturan tersebut. Kewajaran kepada peraturan ini adalah kerana bagi memastikan bahawa sistem perniagaan yang hendak ditawarkan kepada francais-francaisi tempatan adalah benar-benar berdaya maju. Anggapan yang menyatakan bahawa kejayaan menjalankan perniagaan francais di negara mereka boleh berjaya di negara ini atau di negara lain tidak semestinya benar. Sehubungan itu, pemberi francais hendaklah memiliki sekurang-kurangnya sebuah outlet *prototype* supaya dapat dijadikan contoh kepada kejayaan perniagaan itu dalam konteks sebenarnya.

Sungguhpun begitu, dalam **Seksyen 8 (1)** Pendaftar boleh melulus atau menolak permohonan yang diterima dan jika permohonan ditolak, sebab-sebab penolakan itu hendaklah dinyatakan. Jika pendaftaran francais itu diluluskan, pendaftaran itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan oleh Pendaftar dan tarikh itu hendaklah selepas tarikh pemfailan kesemua maklumat atau dokumen yang dikehendaki. Ini dinyatakan dalam **Seksyen 9** Akta Francais 1998.

**Seksyen 12 (1)** memperuntukkan bahawa jika Pendaftar bercadang untuk menggantung, menamatkan, melarang atau menolak penjualan atau pendaftaran sesuatu francais, Pendaftar hendaklah memberi pemohon atau pemberi francais notis bertulis tentang niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan jenis tindakan dan alasan yang dicadangkan dan hendaklah memberi pemohon atau pemberi francais peluang untuk membuat representasi bertulis tentang perkara itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis itu.

**Seksyen 12 (2)** pula menyatakan selepas habis tempoh empat belas hari dan setelah memberi pertimbangan representasi yang dibuat oleh pemohon atau pemberi francais, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada akan meneruskan tindakan yang dicadangkan atau mengambil tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, **Seksyen 17** memperuntukkan bahawa pemohon atau pemberi francais yang terkilang dengan apa-apa keputusan yang diambil oleh pihak Pendaftar, boleh mengemukakan rayuan kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu diberitahu kepada pemohon atau pemberi francais dan segala keputusan Menteri tentang rayuan yang dikemukakan adalah muktamad.

### **Kewajipan-kewajipan Francaisor dan Francaisi**

Seperti yang diketahui bahawa francaisor atau pemberi francais mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membentuk hubungan yang berterusan dengan penerima francais atau francaisi. Sebelum francaisi menandatangani sebarang perjanjian, francaisor perlu mengemukakan surat perjanjian dan dokumen francais yang mengandungi butiran-butiran terperinci tentang perniagaan francais yang hendak dijalankan. Sehubungan itu, **Seksyen 15 (1)** mewajibkan francaisor supaya mengemukakan perjanjian francais dan dokumen penzahiran kepada francaisi sekurang-kurangnya sepuluh (10) hari sebelum francaisi menandatangani perjanjian dengan francaisor. **Seksyen 18 (2)** pula memerihalkan 13 perkara penting yang perlu ditunjukkan di dalam perjanjian francais. Antara perkara yang dinyatakan di dalam perjanjian tersebut adalah;

- a) nama dan perihal keluaran dan perniagaan di bawah francais;
- b) hak wilayah yang diberikan kepada pemegang francais;
- c) fi francais, fi promosi, royalti atau apa-apa jenis bayaran yang berkaitan yang boleh dikenakan atas pemegang francais, jika ada;
- d) kewajipan pemberi francais;
- e) kewajipan pemegang francais;

Jika sekiranya perjanjian francais telah ditandatangani, satu tempoh bertenang tidak boleh kurang daripada tujuh hari bekerja hendaklah diberikan kepada pemegang francais untuk memikirkan kembali keputusan yang telah dibuat. Francaisi mempunyai hak sama ada hendak meneruskan perjanjian ataupun tidak. Ini dinyatakan dengan jelas dalam **Seksyen 18 (4)**. Walau bagaimanapun, **Seksyen 18 (5)** memberi kebenaran kepada francaisor untuk mengambil sebahagian yuran yang telah dibayar oleh francaisi jika francaisi mengambil keputusan untuk membatalkan perjanjian tersebut. Penyimpanan sebahagian daripada fi atau yuran yang telah dibayar adalah bertujuan untuk menampung perbelanjaan menyediakan dokumen perjanjian dan selebihnya hendaklah dipulangkan kembali kepada francaisi.

**Seksyen 20** adalah berkaitan dengan larangan terhadap diskriminasi. Francais menjadi tidak adil dan melanggar Akta jika mana-mana pemberi francais atau francaisor mendiskriminasikan dengan cara tidak munasabah dan dengan ketara antara pemegang-pemegang francais. Diskriminasi boleh dalam bentuk bayaran yang ditawarkan, royalti, barangan, perkhidmatan, kelengkapan, sewa atau perkhidmatan pengiklanan. Ia dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi jika sekiranya diskriminasi itu boleh menyebabkan persaingan yang memudaratkan mana-mana pemegang francais yang bersaing dengan pemegang francais yang menerima faedah daripada diskriminasi itu. Dengan lain perkataan, francaisor tidak boleh memberikan layanan yang berlebihan kepada francaisi yang mana mereka

mempunyai hubungan yang lebih baik. Contohnya, penghantaran barangan atau stok barang yang lebih cepat kepada francais yang disukai oleh francaisor berbanding francais-francaisi di tempat lain boleh dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi.

Walau bagaimanapun terdapat pengecualian kepada Seksyen 20 jika ia memenuhi beberapa pengelasan yang difikirkan munasabah seperti yang dinyatakan di bawah:

- a) berdasarkan kepada francais yang diberikan pada masa yang berlainan dan diskriminasi itu adalah berhubung dengan munasabahnya dengan perbezaan masa itu;
- b) berhubung dengan satu program atau lebih bagi membuatkan francais tersedia kepada orang yang tidak cukup modal, latihan, pengalaman perniagaan atau pendidikan atau kurang kelayakan yang lain;
- c) berhubung dengan usaha oleh Kerajaan atau mana-mana agensinya untuk menggalakkan kepelbagaian dalam keluaran atau bidang perkhidmatan atau format atau reka bentuk perniagaan;
- d) berhubung dengan usaha oleh seorang pemegang francais atau lebih untuk memperbaiki kekurangan dalam pengendalian perniagaan yang difrancaiskan; atau keingkaran dalam perjanjian francais, atau
- e) berdasarkan pada perbezaan-perbezaan lain yang munasabah dengan mengambil kira maksud-maksud Akta ini dan tidaklah dibuat sewenang-wenangnya.

Selain daripada itu, terdapat beberapa lagi kewajipan yang perlu dipenuhi oleh pemberi dan pemegang francais. Antaranya **Seksyen 30 (1) hingga (4)** menyatakan bahawa:

1. Pemberi francais hendaklah memberikan notis bertulis mengenai kemungkiran kontrak oleh pemegang francais dan memberikan pemegang francais masa untuk memulihkan kemungkiran itu.
2. Pemegang francais hendaklah membayar fi francais, royalti, fi promosi atau apa-apa bayaran lain yang diperuntukkan dalam perjanjian francais.
3. Pemberi francais hendaklah memberikan bantuan kepada pemegang francais untuk mengendalikan perniagaannya, seperti peruntukkan atau pembekalan bahan dan perkhidmatan, latihan, pemasaran dan bantuan perniagaan atau teknik.
4. Pemberi francais dan pemegang francais hendaklah melindungi kepentingan pengguna pada setiap masa.

### **Tempoh dan Penamatan Perjanjian Francais**

**Seksyen 25** menyatakan dengan jelas bahawa tempoh francais tidak boleh kurang daripada 5 tahun. Bagi sesetengah syarikat, perjanjian francais ditandatangani untuk tempoh yang agak lama seperti 10 tahun, 15 tahun atau 20 tahun. Semakin lama tempoh yang diberikan semakin tinggi yuran francais yang dikenakan kepada pemegang francais. Perjanjian francais yang ditandatangani tidak boleh ditamatkan sebelum tarikh habis tempoh kecuali dengan sebab-sebab yang baik. Ini dinyatakan dalam **Seksyen 31 (1)**. Sebab yang baik hendaklah termasuk:

- a) kegagalan pemegang francais untuk mematuhi apa-apa terma perjanjian francais atau mana-mana perjanjian lain yang berkaitan yang dibuat antara pemberi francais dengan pemegang francais; dan



- b) kegagalan pemegang francais untuk memulihkan kemungkiran yang telah dilakukannya atau mana-mana pekerjaanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan oleh pemberi francais, yang tidak boleh kurang daripada 14 hari bagi pemulihan kemungkiran itu.

Walaupun bagaimanapun, **Seksyen 33** menyatakan tempoh francais boleh ditamatkan sebelum habis tempoh minimum 5 tahun dalam hal keadaan yang berikut:

- a) jika kedua-dua pihak dalam perjanjian francais itu bersetuju dengan penamatan; atau
- b) jika mahkamah memutuskan bahawa terdapat syarat-syarat tertentu dalam perjanjian francais itu yang mewajarkan perjanjian itu ditamatkan lebih awal daripada tempoh minimum.

Sebaliknya, **Seksyen 34 (1)** memperuntukkan pada bila-bila masa sebelum habis tempoh francais, pemegang francais hendaklah mengikut pilihannya memberikan notis kepada pemberi francais untuk melanjutkan tempoh francais itu. Pindaan kepada subseksyen (1) pula menyatakan bahawa pemegang francais boleh memohon melanjutkan tempoh francaisnya dengan memberi notis bertulis kepada pemberi francais tidak kurang daripada enam bulan sebelum tamatnya tempoh francais itu. Jika sekiranya pemberi francais bersetuju melanjutkan tempoh perjanjian tersebut, **Seksyen 34 (2)** menyatakan bahawa perjanjian yang dilanjutkan itu hendaklah mengandungi syarat-syarat yang serupa atau tidak kurang menguntungkan daripada syarat-syarat dalam perjanjian francais yang sebelumnya. Dengan lain perkataan, syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam tempoh 5 tahun pertama hendaklah sama tanpa menokoktambah syarat-syarat yang baru. Jika pemberi francais bercadang hendak menambah syarat-syarat baru seperti mengenakan royalti dari 5 peratus kepada 6 peratus maka perjanjian lama hendaklah dibatalkan keseluruhannya dan merangka perjanjian yang baru. Perjanjian baru ini seolah-olah kedua-dua pihak tidak pernah berhubungan atau menandatangani sebarang perjanjian sebelum itu.

### **Jaminan Perlindungan Terhadap Maklumat Rahsia**

Akta Francais 1998 juga memberi perlindungan kepada maklumat-maklumat rahsia pemberi francais atau francaisor seperti resepi masakan dan prosedur operasi syarikat. Ini dinyatakan dalam **Seksyen 26** di mana pemegang francais atau francais hendaklah memberikan jaminan bertulis kepada pemberi francais bahawa pemegang francais dan pekerja-pekerjanya tidak akan menzahirkan kepada mana-mana orang apa-apa maklumat yang terkandung dalam manual pengendalian atau yang diperoleh semasa menjalani latihan yang dianjurkan oleh pemberi francais semasa tempoh perjanjian francais itu dan selama dua tahun selepas perjanjian francais itu habis tempoh atau ditamatkan lebih awal. Pindaan subseksyen (1) pula menjelaskan perkataan pemegang francais dan pekerja-pekerjanya dipinda kepada "pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerjaanya".

Selain itu, **Seksyen 27 (1)** juga menyatakan bahawa francais hendaklah memberikan jaminan secara bertulis kepada francaisor bahawa pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerja-pekerjanya tidak akan menjalankan apa-apa pekerjaan lain yang serupa dengan perniagaan yang difrancaiskan yang dikendalikan oleh pemegang francais semasa tempoh perjanjian francais itu dan selama dua tahun selepas perjanjian itu habis tempoh atau ditamatkan lebih awal. Ini bermakna, pemegang francais, termasuk pengarah, suami atau isteri dan keluarga terdekat pengarah itu, dan pekerja-pekerjanya tidak boleh menjalankan sebarang aktiviti perniagaan yang serupa dengan apa yang pernah mereka jalankan selama tempoh dua tahun selepas tamat perjanjian.

## **Fungsi Lembaga Penasihat Francais**

**Seksyen 35 (2)** menyatakan bahawa ahli Lembaga Penasihat Francais hendaklah bilangannya tidak melebihi lima belas (15) orang yang boleh dilantik oleh Menteri dari semasa ke semasa. Anggota-anggota yang dilantik hendaklah orang yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan francais. Anggota-anggota yang dilantik boleh menerima apa-apa saraan yang ditetapkan bagi perkhidmatan mereka.

Apakah tujuan dan fungsi lembaga ini ditubuhkan? **Seksyen 36 (1)** menyatakan fungsi Lembaga Penasihat Francais adalah menasihati Menteri dan Pendaftar mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan francais, pentadbiran serta penguatkuasaan undang-undang. Walau bagaimanapun, Menteri dan Pendaftar tidaklah terikat untuk bertindak atas nasihat atau laporan Lembaga Penasihat Francais. Ini dinyatakan dalam **Seksyen 36 (2)** dalam Akta tersebut.

## **Penguatkuasaan Akta**

Jika diteliti seksyen-seksyen yang berkaitan dengan penguatkuasaan tentang kesalahan-kesalahan dan penipuan yang berlaku dalam industri francais di Malaysia, Akta ini memperuntukkan kuasa yang cukup untuk menyiasat, mengeledah dengan waran, penggeledahan dan penyitaan tanpa waran serta pendakwaan. Namun begitu, sejauh mana kuasa ini digunakan sehingga kes-kes terlibat dibawa ke peringkat mahkamah masih belum dapat dipastikan. Apa yang diketahui setakat ini, kebanyakan kes-kes pertikaian diselesaikan oleh mediator atau orang tengah. Walau bagaimanapun, marilah kita lihat beberapa seksyen yang berkaitan dengan hal-hal penguatkuasaan.

Siapakah yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan Akta ini? **Seksyen 42 (1)** menyatakan bahawa Menteri boleh secara bertulis memberi kuasa kepada Pendaftar atau mana-mana Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini. Apakah bentuk-bentuk penguatkuasaan yang boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai yang dilantik? **Seksyen 43 (1) dan (2)** menyatakan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat aktiviti-aktiviti pemberi francais, broker francais atau pemegang francais bagi maksud menentukan sama ada mereka mematuhi Akta ini. Dalam hal ini, pegawai boleh mengeluarkan perintah kepada pihak-pihak di atas untuk membantu melaksanakan penyiasatannya dan memastikan pematuhan kepada Akta tersebut. Sebagai tambahan di bawah subseksyen (1) dan (2), seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh menjalankan siasatan atau mana-mana kuasa yang berhubungan dengan penyiasatan polis dalam kes-kes boleh tangkap yang diberikan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

**Seksyen 44 (1)** pula memberikan kuasa kepada pegawai yang dilantik untuk melakukan penggeledahan dengan waran. Jika terdapat sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Mejistret boleh mengeluarkan waran untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan. **Seksyen 44 (2)** pula menambah bahawa pegawai yang diberi kuasa, boleh mengeledah dan menyita dokumen-dokumen serta barang-barang berikut:

- a) salinan apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuklah data berkomputer, yang mengandungi atau yang disyaki dengan munasabah mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan sedemikian;
- b) apa-apa cap, papan tanda, kad, surat, risalah atau peranti atau benda lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa orang itu ialah pemberi francais, broker francais atau pemegang francais;
- c) apa-apa dokumen atau barang lain yang dengan munasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

Berhubung dengan **Seksyen 44 (1)** di atas, pegawai yang diberi kuasa masih boleh melakukan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran. **Seksyen 45** memperuntukkan bahawa jika terdapat sebab munasabah untuk dipercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah maka penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diusik, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai boleh masuk ke dalam premis untuk melakukan siasatan.

## Rumusan

Akta Francais 1998 diwartakan bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam industri francais di negara ini. Selari dengan kehendak dan tuntutan semasa industri francais di Malaysia maka Akta Ibu ini telah dipinda dan diwartakan pada 20 September 2012 setelah mendapat Perkenan Diraja pada 5 September 2012. Secara umumnya, Akta Francais (Pindaan) 2012 mengandungi lapan bahagian utama yang merangkumi enam puluh satu (61) seksyen kesemuanya. Antara seksyen-seksyen yang disentuh dalam perbincangan di atas adalah yang berkenaan tafsiran serta pentingnya pihak-pihak yang terlibat mendaftarkan francais mereka dengan Pendaftar francais. Selain daripada itu, artikel ini juga menyentuh tentang peranan yang perlu dimainkan oleh kedua-dua pihak iaitu pemberi francais (francaisor) dan pemegang francais (francaisi) serta kewajipan-kewajipan yang perlu dilaksanakan. Oleh kerana hubungan francaisor dan francaisi melibatkan penggunaan hak harta intelektual, maka seksyen yang berkaitan dengan jaminan melindungi maklumat-maklumat rahsia turut disentuh. Fungsi Lembaga Penasihat Francais serta aspek penguatkuasaan turut disentuh dalam artikel ini.

## Rujukan

Awalan Abdul Aziz (1999). *Perniagaan Francais di Malaysia: Perspektif dan Panduan*. Persatuan Francais Malaysia.

Akta Francais 1998 (Akta 590) . International Law Book Services.

Miranda G. (2002). *Franchising: A Guide to a Successful Franchise Business*. Leeds Publications

Malaysia Kita: Panduan dan Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan (2000). Kuala Lumpur: Internatioanl Law Book Services.

Undang-Undang Malaysia, Akta A1442, Akta Francais (Pindaan) 2012)